

PENYESUAIAN DAN CABARAN TRANSISI PELAJAR TAHUN PERTAMA DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

ADJUSTMENT AND TRANSITION CHALLENGES OF FIRST-YEAR STUDENTS AT INSTITUTE OF TEACHER EDUCATION

Tengku Norhani Tengku Besar¹

Nor Shafrin Ahmad²

Shahabuddin Hashim³

¹Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia,
(Email: tengkumorhani77@gmail.com)

²Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia,
(Email: sham@usm.my)

³Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia,
(E-mail: shah@usm.my)

Article history

Received date : 28-10-2020

Revised date : 29-10-2020

Accepted date : 29-11-2020

Published date : 23-12-2020

To cite this document:

Tengku Norhani Tengku Besar, Nor Shafrin Ahmad & Shahabuddin Hashim (2020). Penyesuaian dan Cabaran Transisi Pelajar Tahun Pertama di Institut Pendidikan Guru. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 3(9), 59 - 72.

Abstrak: *Penyesuaian pelajar tahun pertama di institut pengajian tinggi merupakan satu transisi major dalam kehidupan yang tidak semua pelajar dapat tangani. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penyesuaian pelajar tahun pertama di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan meneroka cabaran yang dihadapi pelajar dalam fasa transisi. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan. Data diperolehi daripada soal selidik dan temu bual. Seramai 364 orang pelajar PPISMP terlibat dalam menjawab Soal Selidik Adaptasi Pelajar (SSAP) dan 30 orang pelajar daripada jumlah tersebut telah ditemu bual secara separa berstruktur. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 25 dan data kualitatif kemudiannya ditranskripsi serta dianalisis tematik menggunakan perisian Atlas.ti versi 8 bagi membentuk kategori atau tema yang sesuai. Keputusan kajian menunjukkan bahawa tahap penyesuaian pelajar secara keseluruhan berada pada tahap sederhana. Selain itu, cabaran transisi yang dihadapi pelajar dapat dikategorikan kepada lima tema utama iaitu akademik, sosial, emosi, komitmen institusi dan minat. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan ke arah pembentukan dan pembangunan intervensi yang bersesuaian bagi membantu kesejahteraan pelajar tahun pertama PPISMP di IPG dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu.*

Kata kunci: *Penyesuaian, pelajar tahun pertama, transisi, institut pendidikan guru.*

Abstract: *Adaptation of first-year students in institutions of higher learning is a major transition in life that not all students can handle. This study aims to identify the level of adaptation of first-year students at the Institute of Teacher Education (IPG) and explore the challenges faced by students in the transition phase. This study is a survey study. Data were obtained from questionnaires and interviews. A total of 364 PPISMP students were involved in*

answering the Student Adaptation Questionnaire (SSAP) and 30 students out of that number were interviewed in a semi-structured manner. Quantitative data were analyzed using SPSS Version 25 software and qualitative data were then transcribed and thematically analyzed using Atlas.ti software version 8 to form an appropriate category or theme. The results of the study show that the level of adjustment of students is at a moderate level. In addition, the transition challenges faced by students can be categorized into five main themes namely academic, social, emotional, institutional commitment and interest. The findings of this study are expected to contribute towards the formation and development of appropriate interventions to assist the well-being of PPIMSP first-year students in IPG in adapting to the new environment.

Keywords: *Adaptation, first-year students, transitions, teacher education institutes.*

Pengenalan

Transisi daripada alam persekolahan ke institut pengajian tinggi memberikan cabaran kepada pelajar yang baru mendaftar. Pelajar tiba di institut pengajian tinggi dengan jangkaan yang tidak realistik (Kandiko & Mawer, 2013). Kegembiraan pelajar melanjutkan pelajaran akhirnya memberi tekanan dan menyebabkan kemerosotan akademik apabila keadaan realiti tidak seperti yang dijangkakan. Fasa transisi merupakan punca utama tercetus kebimbangan dalam kalangan pelajar tahun pertama di institut pengajian tinggi (Lowe & Cook, 2003). Kegagalan pelajar menguruskan cabaran pada fasa transisi boleh memberi kesan kepada akademik dan kesejahteraan diri pelajar. Pelajar yang berupaya menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dapat melalui fasa transisi dengan lancar. Sekiranya penyesuaian dengan persekitaran baharu dapat dijalani dengan baik pada fasa transisi, pelajar mampu mempunyai prestasi akademik yang baik, memperoleh ijazah dan melihat pengalaman di institut pengajian tinggi sebagai satu pengalaman yang positif (Credé and Niehorster, 2012). Kejayaan membuat penyesuaian melibatkan ciri-ciri pelajar ketika mendaftar di institut pengajian tinggi dan faktor yang bertindak semasa pelajar di institut pengajian tinggi. Ciri-ciri peribadi, latar belakang keluarga, dan keupayaan akademik merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelajar dan memberi kesan terhadap transisi pelajar (Tinto, 1993). Pelajar perlu bertindak atau bertingkah laku sesuai dengan perubahan persekitaran. Sekiranya mereka gagal menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran, keadaan ini akan memberi kesan kepada kesejahteraan dan mengurangkan peluang berdaya tahan atau resiliensi (Parameswaran & Beena, 2004). Hal ini disebabkan transisi dari sekolah ke Institut Pendidikan Guru (IPG) memberikan tekanan kepada pelajar dan kemampuan pelajar menangani tekanan tersebut adalah berdasarkan keupayaan penyesuaian peribadi (Aspinwall & Taylor, 1992). Baker dan Siryk (1984) berpendapat penyesuaian pelajar ke universiti adalah kompleks kerana melibatkan tuntutan yang pelbagai jenis dan tahap. Justeru, pelajar memerlukan pelbagai strategi untuk menanganinya.

Pernyataan Masalah

Setiap tahun ratusan ribu pelajar mendaftar sebagai pelajar di institut pengajian tinggi seluruh negara. Pelajar melalui proses transisi daripada alam persekolahan ke satu persekitaran baharu iaitu institut pengajian tinggi. Mereka berhadapan dengan sistem akademik dan persekitaran sosial yang baharu selepas mendaftar sebagai pelajar. Proses transisi antara sekolah dan institut pengajian tinggi boleh memberi kesan kepada pelajar (Gueudet, 2008) kerana mereka akan berhadapan dengan masalah baharu. Kajian berkaitan penyesuaian banyak dijalankan di universiti (Aminah et.al, 2017) dan kurang kajian dijalankan di IPG. Meskipun terdapat kajian

yang menggunakan modul kaunseling untuk meningkatkan penyesuaian pelajar, namun kajian yang dijalankan agak terhad kepada pelajar di universiti sahaja dan tidak dapat digeneralisasikan kepada pelajar lain. Fokus kajian-kajian lepas juga terhad kepada melihat hubungan dan faktor. Masalah penyesuaian bukan sahaja berlaku kepada pelajar di universiti malahan pelajar di institut pendidikan guru (IPG) juga turut mengalami masalah tersebut. Kajian Nor Hashimah, Zulkifley dan Siti Ilyana (2015) mendapati bahawa masalah penyesuaian memberi kesan kepada pencapaian matematik dalam kalangan guru pelatih Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPG. Dimensi peribadi - emosi merupakan faktor utama yang boleh mengganggu proses penyesuaian akademik guru pelatih dan penyesuaian sosial semasa transisi institusi. Di samping itu, statistik yang dikeluarkan oleh IPG Sarawak menunjukkan peratus pelajar yang meninggalkan latihan adalah sebanyak 0.89 hingga 4.35 peratus setiap kohort bagi ambilan tahun 2012 hingga 2015 IPG di Sarawak (Chiam, 2018).

Walaupun banyak kajian berkaitan penyesuaian pelajar ini telah dijalankan sejak lima dekad yang lalu, namun sampel kajian terhad kepada pelajar universiti dan kolej sahaja (Horgan et.al, 2016; Puff et.al, 2016) Malah reka bentuk kajian juga banyak dijalankan dalam bentuk kuantitatif. Justifikasinya, perlu satu kajian secara mendalam bagi meneroka pemasalahan berkaitan penyesuaian pelajar tahun pertama di IPG. Kajian ini berhasrat untuk menambah baik lagi skop kajian yang telah sedia ada supaya dapat mengukuhkan lagi dapatan atau memberi maklumat yang baru. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menegnal pasti tahap penyesuaian akademik dan sosial pelajar tahun pertama di IPG. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneroka cabaran transisi yang dihadapi pelajar tahun pertama (PPISMP) di Institut Pendidikan Guru.

Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dinyatakan tadi, objektif kajian ini adalah untuk:

- i) Mengenal pasti tahap penyesuaian pelajar tahun pertama di IPG.
- ii) Memahami cabaran transisi pelajar tahun pertama di IPG.

Kajian Literatur

Penyesuaian Pelajar

Penyesuaian satu proses yang melibatkan tindak balas mental dan tingkah laku menangani kehendak dalaman, tekanan, kekecewaan dan konflik yang mempengaruhi tahap keharmonian (Julia & Veni, 2012). Pelajar akan bertindak balas terhadap sesuatu yang tidak selesa yang boleh mempengaruhi kesejahteraan diri. Ketika individu berusaha untuk memenuhi keperluan dan matlamat hidup, mereka juga berhadapan dengan tekanan persekitaran (Asthana et.al, 2016). Keadaan ini memerlukan mereka bertindak terhadap tekanan tersebut untuk meningkatkan semula tahap keharmonian diri. Sekiranya mereka dapat membiasakan diri dengan tekanan dalam persekitaran tersebut dan belajar untuk menangani tekanan tersebut dengan efisien, mereka dikatakan telah berupaya membuat penyesuaian (Haber & Runyon, 1984). Individu yang berupaya membuat penyesuaian adalah ketika berada dalam situasi yang membataskan kemampuan dirinya telah belajar untuk bertindak balas terhadap dirinya dan persekitarannya secara matang, sihat, efisien dan memuaskan. Mereka juga dapat menyelesaikan konflik, kekecewaan, kesukaran peribadi dan sosial, tanpa membina tingkah laku bersimptom.

Penyesuaian pelajar di institut pengajian tinggi ini kompleks kerana melibatkan pelbagai tuntutan. Pelajar perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu yang berbeza daripada persekitaran sekolah sebelum ini. Mereka perlu berhadapan dengan cabaran kehidupan di kampus (Calaguas, 2012) di samping proses interaksi antara ciri-ciri pelajar dan faktor yang bertindak semasa pelajar di institut pengajian tinggi (Fernandez et.al., 2017). Masalah penyesuaian pelajar sering dikaitkan dengan masalah akademik, berjauhan dari rumah, faktor sosial dan peribadi (Esmael et.al., 2018). Pelajar akan melalui proses psikologikal untuk mengadaptasi, menangani dan mengurus isu tersebut dalam usaha mereka menyesuaikan diri dengan kehidupan baru di kampus (Nyamayaro & Saravanan, 2013). Pelajar tahun pertama di institut pengajian tinggi cenderung berhadapan dengan isu penyesuaian berkaitan akademik, sosial, peribadi-emosi dan komitmen institusi (Baker & Siryk, 1999). Hal ini disebabkan transisi dari sekolah ke institut pengajian tinggi memberikan tekanan kepada pelajar namun kemampuan pelajar menangani tekanan tersebut adalah berdasarkan keupayaan penyesuaian peribadi dan proses ini mengambil masa yang lama (Van Rooij, 2017). Selain itu, budaya mendapatkan perkhidmatan kaunseling dari pusat khidmat kaunseling institut pengajian tinggi masih berkurangan dalam kalangan pelajar (Kamunyu, Ndungo & Wango, 2016). Pelajar yang dapat berperanan sebagai pelajar di IPG dikatakan telah berjaya membuat penyesuaian di IPG (Clark, 2005) dan kekal dengan program pengajian mereka hingga akhir di IPG. Pelajar yang berjaya menyesuaikan diri menunjukkan tingkah laku penyesuaian yang positif seperti berupaya menyesuaikan diri dengan cepat terhadap sistem akademik baharu, membina hubungan baik dengan rakan-rakan dan pensyarah, mempunyai kesedaran berkaitan tugas, mempunyai jaringan sosial yang baik dan melakukan aktiviti yang melibatkan sukan dan permainan (Orlov et.al, 2018).

Penyesuaian dan Transisi

Fasa transisi adalah satu tempoh singkat dan bukan satu pengalaman yang berterusan (Trach, 2012). Transisi berperanan sebagai satu ruang kepada pelajar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu. Pada fasa ini, persoalan berkaitan perhubungan, arah hidup dan harga berlegar dalam pemikiran pelajar. Langkah yang perlu diambil ketika transisi berlaku adalah berusaha menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku. Proses penyesuaian melibatkan keupayaan pelajar menerima kekangan atau cabaran (Feldt, Graham, & Dew, 2011). Tafsiran individu terhadap dunia dan tempat mereka berada di dalamnya adalah cabaran bagi individu. Pelajar yang mempunyai keyakinan diri dan kemahiran berupaya berfungsi dalam persekitaran baharu dan membuat penyesuaian (Huon & Sankey, 2000). Proses transisi perlu dilihat dalam konteks individu. Integrasi antara persekitaran yang baharu dengan persekitaran lama dan tempoh masa yang diambil untuk individu menjadi selesa dengan persekitaran baharu itu adalah ditentukan oleh ciri-ciri peribadi, pengalaman lalu dan keperluan individu (Kantanis, 2002). Pelajar tahun pertama di institut pengajian tinggi yang dapat melalui fasa transisi dengan lancar dan dapat mengatasi cabaran transisi berupaya membuat penyesuaian dengan baik. Transisi dan penyesuaian saling berkaitan namun transisi dan penyesuaian membawa pengertian yang berbeza. Transisi adalah proses menyesuaikan diri terhadap situasi baharu yang mengambil masa dan setelah selesai akan menghasilkan kejayaan penyesuaian terhadap situasi baharu (Dawborn-Gundlach, 2015). Transisi lebih berfokuskan kepada pergerakan daripada satu keadaan atau persekitaran kepada yang lain. Selain itu, tempoh masa transisi bergantung kepada sokongan yang disediakan oleh institusi, ciri peribadi dan demografi individu, dan jenis pengalaman serta isu yang dihadapi dalam peringkat awal tempoh transisi (Darlaston-Jones et al., 2003). Sekiranya tempoh transisi terhad dan tiada tekanan serta kebimbangan maka penyesuaian terhadap persekitaran baharu lebih efektif. Tahun pertama merupakan tanda aras

peralihan yang sangat penting untuk menentukan kejayaan pelajar dan pelajar harus merasai sokongan insitut pengajian tinggi mereka bukan sahaja dari segi akademik tetapi dari segi sosial dan peribadi juga (Harris, 2016). Pelajar perlu membina pemahaman terhadap persekitaran baharu dan cara persekitaran baharu itu berfungsi dalam tempoh transisi. Cabaran transisi bermula apabila pelajar mula mendaftar di institut pengajian tinggi. Pengalaman transisi akan berubah, perasaan kesunyian dan kebimbangan terhadap cabaran adalah biasa bagi pelajar baharu pada minggu pertama di IPG (Kantanis, 2002). Pelajar bukan sahaja berhadapan dengan cabaran mengakses persekitaran institut pengajian tinggi, akademik dan budaya sosial malah pelajar juga turut berhadapan dengan identiti perabadi mereka (Measor, Wilcox & Frame, 2012). Pelajar mengalami keadaan tertekan semasa berada di institut pengajian tinggi beberapa hari dan pengalaman ini kesan sepanjang semester atau beberapa semester. Selain itu, pelajar turut berasa tidak gembira akibat terbeban dengan kerja-kerja akademik yang jelas menunjukkan mereka memerlukan bantuan pada minggu pertama untuk mempercepat proses integrasi terhadap sistem baharu dan dapat memberi fokus kepada akademik (Thuo & Edda, 2017). Justeru, transisi adalah satu tempoh yang memerlukan pelajar melakukan penyesuaian terhadap cabaran dalam persekitaran akademik dan sosial. Keupayaan membuat penyesuaian pada fasa transisi ini bergantung kepada keyakinan diri dan kemahiran yang ada pada pelajar.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan yang melibatkan data kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif digunakan sebagai asas untuk mendapat gambaran umum tentang tahap penyesuaian akademik dan sosial pelajar tahun pertama PPISMP di IPG. Manakala data kualitatif digunakan sebagai data tambahan untuk mendapatkan penjelasan lanjut sekali gus mengukuhkan hasil dapatan kajian kuantitatif.

Populasi dan Sampel

Kajian ini melibatkan seramai 364 orang pelajar PPISMP di 14 buah IPG di Malaysia bagi menjawab soal selidik. Selain itu, seramai 30 orang pelajar telah dipilih sebagai peserta kajian untuk ditemu bual dalam usaha pengumpulan data kualitatif. Semua pelajar merupakan pelajar tahun pertama semester kedua yang sedang mengikuti program persediaan bagi Ijazah Sarjana Muda Perguruan.

Instrumen Kajian

Bagi pengumpulan data kuantitatif, Soal Selidik Adaptasi Pelajar (Baker & Siryk, 1999) telah digunakan untuk mengukur tahap penyesuaian pelajar. Soal selidik ini mengukur dimensi penyesuaian akademik, sosial, peribadi-emosi dan komitmen institusi. Soal selidik ini menggunakan skala Likert 1 hingga 9 yang disusun berdasarkan darjah penyesuaian yang rendah kepada darjah penyesuaian yang tinggi. Skor 9 mewakili jawapan “Berkait rapat dengan saya” manakala skor 1 mewakili “Langsung tidak berkaitan dengan saya”. Ujian kebolehpercayaan *Alfa Cronbach* bagi instrumen ini mencapai tahap yang baik iaitu melebihi 0.70 (Hair et al., 2010) iaitu 0.90.

Bagi pengumpulan data kualitatif, protokol temu bual telah digunakan. Soalan protokol temu bual kajian telah dibina dalam bentuk soalan terbuka dan generik iaitu responden temu bual bebas menyatakan pandangan mereka berdasarkan soalan-soalan yang diberikan tanpa disekat. Protokol temu bual yang terdiri daripada pengenalan, soalan pembuka, soalan kunci, soalan-

soalan berkaitan soalan kunci dan soalan penutup disediakan (Noraini, 2010). Protokol temu bual membantu menjawab persoalan penyelidikan. Menurut Titchie dan Lewis (2003), temu bual dapat menjelaskan tentang corak pemikiran seseorang responden. Data atau sumber maklumat yang diperoleh daripada temu bual lebih kaya dan mendalam.

Analisis Data

Data kajian yang diperoleh daripada set soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0. Bagi data kualitatif, analisis tematik dilakukan seperti yang diutarakan oleh Braun dan Clarke (2006). Terdapat enam fasa iaitu *fasa satu*, pengkaji perlu membiasakan diri dengan data, *fasa kedua*, transkrip tersebut dibaca secara berulang bagi membiasakan diri pengkaji dengan data, *fasa ketiga*, menghasilkan tema daripada kod, *fasa keempat*, proses menyemak semula tema-tema awal yang telah dibentuk, *fasa kelima* yang melibatkan proses menakrifkan, menapis dan menamakan tema dan menghasilkan peta tematik, *fasa keenam*, menghasilkan laporan. Dalam penulisan laporan, bukti dan contoh terperinci bagi menyokong tema tersebut perlu selaras dengan persoalan kajian. Dalam kajian ini, proses pengkodan dan menghasilkan tema dilakukan dengan menggunakan perisian Atlas.ti Versi 8.

Prosedur Kajian

Kebenaran untuk menjalankan kajian diperoleh daripada Bahagian Pendidikan, Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia USM. Langkah pertama, pengkaji telah mengedarkan Soal Selidik Adaptasi Pelajar kepada pelajar PPISMP di 14 buah IPG di Malaysia secara atas talian (*online*). Seterusnya, 30 orang pelajar PPISMP daripada empat buah IPG di utara Malaysia telah dipilih untuk ditemu bual. Data yang dikumpulkan secara kuantitatif dan kualitatif kemudannya dianalisis bagi memperoleh dapatan kajian.

Dapatan Kajian

Tahap Penyesuaian Pelajar Tahun Pertama di IPG

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap penyesuaian keseluruhan pelajar tahun pertama PPISMP di IPG ialah 3.9 peratus berada pada tahap tinggi, 88.5 peratus pada tahap sederhana dan 10.4 peratus pada tahap rendah. Skor minimum bagi tahap penyesuaian keseluruhan ialah 569 manakala skor minimum ialah 272.

Jadual 1: Tahap Penyesuaian Keseluruhan

| Pemboleh ubah | Skor markah | Tahap | Bilangan | Peratus | Skor Minimum | Skor Maksimum |
|-------------------------|--------------|-----------|----------|---------|--------------|---------------|
| Penyesuaian Keseluruhan | 488 ke atas | Tinggi | 14 | 3.9 | 272 | 569 |
| | 361-487 | Sederhana | 322 | 88.5 | | |
| | 360 ke bawah | Rendah | 38 | 10.4 | | |

Seterusnya, Jadual 2 menunjukkan dapatan tahap penyesuaian akademik pelajar tahun pertama PPISMP di IPG. Peratusan menunjukkan bahawa sebanyak 1.1 peratus mempunyai tahap penyesuaian akademik yang tinggi dengan skor maksimum 187 manakala 84.1 peratus berada

pada tahap sederhana. Sebanyak 14.8 peratus berada pada tahap rendah dengan skor minimum 84.

Jadual 2: Tahap Penyesuaian Akademik

| Pemboleh ubah | Skor markah | Tahap | Bilangan | Peratus | Skor Minimum | Skor Maksimum |
|----------------------|--------------|-----------|----------|---------|--------------|---------------|
| Penyesuaian Akademik | 173 ke atas | Tinggi | 4 | 1.1 | 84.1 | 187 |
| | 122-172 | Sederhana | 306 | 84.1 | | |
| | 121 ke bawah | Rendah | 54 | 14.8 | | |

Berdasarkan Jadual 3, tahap penyesuaian sosial pelajar tahun pertama di IPG majoriti berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, terdapat seramai 72 orang atau 19.8 peratus pelajar berhadapan dengan tahap penyesuaian yang rendah. Skor maksimum bagi penyesuaian sosial ialah 152 manakala skor minimum ialah 76.

Jadual 3: Tahap Penyesuaian Sosial

| Pemboleh ubah | Skor markah | Tahap | Bilangan | Peratus | Skor Minimum | Skor Maksimum |
|--------------------|--------------|-----------|----------|---------|--------------|---------------|
| Penyesuaian Sosial | 156 ke atas | Tinggi | 0 | 0 | 76 | 152 |
| | 104-155 | Sederhana | 292 | 80.2 | | |
| | 103 ke bawah | Rendah | 72 | 19.8 | | |

Selain itu, kebanyakan pelajar tahun pertama PPISMP di IPG mempunyai tahap penyesuaian sosial peribadi-emosi yang sederhana. Namun, seramai 64 orang pelajar atau 17.6 peratus pelajar mempunyai tahap penyesuaian peribadi-emosi yang tinggi dengan skor maksimum 156. Skor minimum bagi penyesuaian peribadi-emosi ialah 41 dengan peratusan 20.3 peratus atau 74 orang pelajar berhadapan dengan isu penyesuaian peribadi-emosi. Jadual 4 menunjukkan dapatan analisis.

Jadual 4: Tahap Penyesuaian Peribadi-Emosi

| Pemboleh ubah | Skor markah | Tahap | Bilangan | Peratus | Skor Minimum | Skor Maksimum |
|----------------------------|-------------|-----------|----------|---------|--------------|---------------|
| Penyesuaian Peribadi-Emosi | 111 ke atas | Tinggi | 64 | 17.6 | 41 | 156 |
| | 71-110 | Sederhana | 226 | 62.1 | | |
| | 70 ke bawah | Rendah | 74 | 20.3 | | |


Jadual 5 menunjukkan tahap penyesuaian komitmen institusi. Dapatan analisis menunjukkan bahawa seramai 351 orang pelajar atau 96.4 peratus mempunyai tahap penyesuaian komitmen institusi yang rendah dengan skor minimum sebanyak 40. Dapatan juga menunjukkan seramai 13 orang atau 3.6 peratus pelajar mempunyai tahap penyesuaian komitmen institusi yang sederhana dengan skor maksimum bagi tahap penyesuaian komitmen institusi ialah 94.

Jadual 5: Tahap Penyesuaian Komitmen Institusi

| Pemboleh ubah | Skor markah | Tahap | Bilangan | Peratus | Skor Minimum | Skor Maksimum |
|--------------------------------------|--------------------------------------|-------------------------------|----------------|------------------|-----------------|------------------|
| Penyesuaian Komitmen Institusi | 125 ke atas 84-124 83 ke bawah | Tinggi Sederhana Rendah | 0 13 351 | 0 3.6 96.4 | 40 | 94 |

Cabaran Transisi Pelajar Tahun Pertama di IPG

Analisis data kualitatif mendapati pelajar tahun pertama di IPG berhadapan dengan cabaran transisi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar berhadapan dengan cabaran transisi dalam 5 tema utama iaitu akademik, sosial, emosi, institusi dan minat seperti Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Cabaran Transisi Pelajar Tahun Pertama di IPG

Cabaran Akademik

Analisis dapatan menunjukkan bahawa proses untuk memahami tugas yang diberi menjadi satu cabaran kepada pelajar kerana mereka tidak biasa dengan format tugas akademik yang diberikan. Keadaan ini memerlukan mereka berusaha untuk menghadapi kesukaran dalam sistem akademik yang baharu.

Masalah saya untuk faham tugas sebab pertama kali buat tugas seperti ni (tugas di IPG). (S15)

Pensyarah bagi banyak assignment. Tak tau nak mula yang mana. Lepas tu, semua nak kena cari sendiri. (S22)

Selain itu, dalam menghadapi kesukaran memahami tugas tersebut, mereka juga perlu menghantar pelbagai tugas yang diberikan dalam jangka masa yang sama. Cabaran dalam menguruskan masa belajar menyebabkan memberi kesan kepada emosi seperti tekanan dan kebimbangan. Di samping itu, pelajar berhadapan dengan jumlah tugas yang banyak dan sukar untuk menguruskan tugas tersebut. Hal ini turut memberi kesan terhadap motivasi, kurang keyakinan diri dan wujudnya matlamat yang tidak realistik seperti tidak yakin dapat menamatkan pengajian di IPG.

Terlalu banyak tugas bagi setiap subjek dan perlu dihantar pada tarikh yang sama. (S7)

Cabaran pengurusan masa la. Di sini saya belajar macam mana susahny seorang guru menguruskan masa. Ada banyak kerja nak kena siapkan pada satu-satu masa. Stres juga. (S15)

Saya rasa susah nak susun masa untuk buat assignment, study. Rasa susah hati. (S1)

Saya tak pasti sama ada saya dapat habiskan study kat sini. Tugas yang banyak memang mencabar. (S9)

Cabaran Sosial

Antara dapatan kajian ini juga, pelajar juga turut berhadapan dengan cabaran yang melibatkan rakan sebilik di kolej kediaman dan rakan sekelas. Latar belakang budaya dan bangsa yang berbeza menimbulkan konflik dalam diri dan memberi tekanan kepada diri mereka. Selain itu, pelajar juga sukar untuk menyesuaikan diri dan menerima personaliti rakan sebilik yang berbeza dengannya.

Susah juga dapat roommate yang tidak sama macam kita. Saya dari Sarawak. Roommate dari Kelantan. Stres juga la. Lagi tak dapat nak tukar bilik. Kadang-kadang saya tidur di bilik kawan. (S18)

Tak pernah bercampur dengan orang yang berlainan bangsa, rasa macam pelik nak bergaul dengan orang yang bangsa lain. (S3)

Roommate saya buat assignment sambil dengar muzik. Saya tak suka bising. Jadi, bila dia dengar muzik, saya jadi stres. Saya tak boleh dengar muzik tu. Saya perlu fokus waktu buat assignment. (S11)

Cabaran Emosi

Selain itu, kerinduan kepada ibu bapa dan keluarga juga turut memberi kesan kepada emosi pelajar. Terdapat pelajar yang pertama kali berjauhan daripada keluarga dan hanya dapat bertemu keluarga pada cuti semester kerana keluarga berada jauh dan melibatkan kos yang tinggi untuk pulang menziarahi keluarga.

Saya selalu ingat mak ayah dan rindu mereka. Mereka jauh di Sabah. Saya nak balik kampung tapi tiket kapal terbang mahal sangat. Cuti semester nanti saja saya boleh balik. (S17)

Kadang-kadang saya menangis bila teringatkan mak dan ayah. (S26)

Cabaran Komitmen Institusi

Pelajar tahun pertama di IPG juga turut berhadapan dengan cabaran komitmen institusi yang menyediakan pelbagai aktiviti untuk kemenjadian bakal guru. Namun, terdapat pelajar tahun pertama yang berasa terganggu dengan aktiviti tersebut kerana tidak dapat menumpukan perhatian kepada tugas akademik. Proses untuk menyesuaikan diri dengan aktiviti dan persekitaran baharu di IPG memberi kesan terhadap mental dan fizikal. Selain itu, pelajar juga berhadapan dengan cabaran untuk menyesuaikan diri dengan suasana kolej kediaman. Pelajar yang tidak pernah tinggal di asrama telah biasa dengan keselesaan yang disediakan di rumah. Justeru, suasana kolej kediaman yang disediakan oleh pihak institusi menjadi satu cabaran kepada mereka.

Terlalu banyak aktiviti yang perlu ikut. Saya lebih suka duduk di bilik seorang diri dan buat assignment. Dah la setiap hari ada kuliah. Malam saja boleh rehat. (S5)

Aktiviti lain banyak dan ganggu waktu nak belajar dan buat assignment. Malam pun ada program. Letih sangat. (S27)

Kolej kediaman tidak selesa. (S4)

Cabaran Minat

Seterusnya, tidak semua pelajar yang melanjutkan pelajaran ke IPG mempunyai minat untuk menjadi guru. Analisis data temu bual mendapati, terdapat pelajar yang melanjutkan pelajaran ke IPG kerana memenuhi permintaan ibu bapa. Pelajar berhadapan dengan cabaran untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dan menyebabkan wujud rasa rendah diri dalam diri mereka. Selain itu, mereka juga berhadapan dengan cabaran untuk menanam minat menjadi seorang guru.

Saya tak berminat nak jadi cikgu. Mak ayah yang suruh saya masuk IPG. Rasa saya ni tak layak nak jadi cikgu. (S24)

Saya tak ada tujuan. Masuk ke sini bukan sebab minat nak jadi cikgu. Tapi, saya cuba la. Sebab dah masuk sini kan. Mak nak saya jadi cikgu. Saya cuba bahagikan mak. (S5)

Perbincangan

Kajian ini berjaya mencapai objektif secara keseluruhannya. Transisi dari sekolah menengah ke IPG merupakan satu transformasi major yang perlu dilalui oleh pelajar tahun pertama di IPG. Persekitaran akademik dan sosial yang berbeza menjadi cabaran kepada para pelajar. Majoriti pelajar tahun pertama di IPG mempunyai tahap penyesuaian yang sederhana. Walau bagaimanapun, terdapat pelajar yang berhadapan dengan kesukaran membuat penyesuaian dengan persekitaran baharu di IPG. Persekitaran akademik yang baharu memberi implikasi terhadap tahap motivasi dan emosi pelajar. Proses untuk memahami persekitaran dan sistem akademik yang baharu dan cara persekitaran tersebut berfungsi menjadi cabaran kepada pelajar tahun pertama. Pelajar tahun pertama di institut pengajian tinggi mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan gaya pengajaran di universiti berbanding di sekolah (Beder, 1997). Pengurusan masa secara efisien merupakan elemen penting dalam proses menyesuaikan diri. Kegagalan menguruskan masa dengan baik menyebabkan pelajar berasa tertekan. Hal ini selaras dengan dapatan Wintre et.al, 2006 bahawa pelajar yang mengalami masalah penyesuaian akan mengalami kesukaran akademik seperti memahami tugas dan pengurusan masa belajar. Selain itu, pelajar juga perlu belajar berdikari untuk mendapatkan bahan bagi menyiapkan tugas berbeza dengan pendekatan semasa mereka berada di sekolah. Pelajar tahun pertama di IPG masih mengharapkan pensyarah menyediakan bahan berkaitan pembelajaran seperti di sekolah. Hakikatnya, sistem pembelajaran dan pengajaran di IPG berbeza berbanding di sekolah kerana di IPG lebih berfokuskan pelajar. Ketika proses penyesuaian pada fasa transisi ini, pelajar berhadapan dengan kebimbangan dan tekanan. Dalam fasa transisi, pelajar akan mengubah konsepsi dan perasaan berkaitan diri mereka serta mula meneroka dan bereksperimen dengan tingkah laku yang mengundang kemudaratan (Baumrind, 1987). Sekiranya kesan ini tidak diurus dengan baik, pelajar mungkin akan menarik diri daripada pengajian di IPG.

Selain persekitaran akademik yang mencabar, pelajar turut terkesan dengan cabaran dengan persekitaran sosial yang baharu. Penyesuaian sosial memperlihatkan tahap kejayaan pelajar berurusan dengan tuntutan sosial dalam persekitaran institusi pengajian tinggi (Baker & Siryk, 1999). Ini bermaksud semakin pelajar dapat menyesuaikan diri dengan tuntutan sosial di IPG seperti hubungan dengan rakan, pensyarah, dan staf, maka pelajar dikatakan berjaya membuat penyesuaian sosial. Di samping itu, penilaian sendiri dan tret juga turut mempengaruhi penyesuaian pelajar. Kajian-kajian lalu mendapati kepelbagaian perbezaan individu adakalanya menghalang atau memudahkan proses penyesuaian (Becker, 2008). Individu yang mempunyai sifat mudah bergaul, sependapat, bersifat terbuka dan mempunyai emosi yang stabil mudah membuat penyesuaian dengan membina hubungan sosial baharu dan lebih bersedia untuk meneroka persekitaran baharu (Credé & Niehorster, 2012). Kajian ini mendapati, rakan sekelas dan rakan sebilik yang terdiri daripada latar budaya dan personaliti yang berbeza memberi cabaran kepada pelajar tahun pertama di IPG. Cabaran menyesuaikan diri dengan rakan-rakan yang baru dikenali juga mencetuskan konflik di dalam diri. Selain itu, pelajar yang tidak pernah belajar dan bergaul dengan bangsa lain menjadi kekok untuk bergaul dengan rakan-rakan dalam kalangan bangsa yang berbeza.

Kestabilan emosi amat penting bagi meneruskan pengajian di institut pengajian tinggi. krisis yang sering terjadi kepada pelajar tahun pertama melibatkan kesukaran dalam penyesuaian sosial seperti perasaan kerinduan kepada keluarga, kesunyian kesukaran bersosial atau berkawan dan kesukaran dalam mengurus masa dan kemahiran belajar (Belay Ababu et.al, 2018). Pelajar yang tidak mempunyai pengalaman tinggal di asrama dan tidak pernah berjauhan dengan ibu bapa sangat terkesan ketika fasa transisi. Mereka mengalami kerinduan kepada ibu bapa dan keluarga dan kesunyian. Pelajar tahun pertama di IPG didapati mengalami kerinduan kepada ibu bapa yang tinggal jauh dari kampus pengajian. Dusselier et.al, (2010) dalam kajiannya turut mendapati pelajar tahun pertama di universiti mengalami kesunyian, kerinduan kampung halaman, konflik dan tekanan dalam hubungan interpersonal. Justeru, pelajar tahun pertama di universiti atau di IPG perlu berhadapan dengan cabaran interpersonal seperti membina perhubungan baharu dengan rakan-rakan, membangun kemahiran belajar dan mengubahsuaikan perhubungan sedia ada antara ibu bapa dan keluarga mereka (Parker et.al, 2004). Selain itu, penyesuaian institusi juga menjadi cabaran yang besar buat pelajar di IPG. Pelajar yang dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran di IPG mempunyai tahap kepuasan terhadap institusi (Baker & Siryk, 1999). Pelajar yang telah biasa dengan keadaan di asrama sekolah berupaya menerima keadaan kolej kediaman dan bilik penginapan. Namun, bagi pelajar yang tidak pernah tinggal di asrama, mereka memerlukan masa untuk membuat penyesuaian dengan persekitaran baharu di kolej kediaman dan bilik penginapan.

Di samping itu, pelajar di IPG berhadapan dengan cabaran minat terhadap profesion perguruan. IPG merupakan institut pengajian tinggi yang berfokuskan kepada memberi latihan perguruan kepada bakal-bakal guru. Setelah tamat pengajian di IPG, pelajar akan ditempatkan sebagai guru di sekolah-sekolah rendah seluruh Malaysia. Justeru, pelajar tahun pertama di IPG perlu menetapkan pada set minda bahawa mereka adalah bakal guru masa hadapan. Walau bagaimanapun, pelajar yang melanjutkan pelajaran ke IPG kerana memenuhi tuntutan dan impian ibu bapa berhadapan dengan cabaran menanam minat dalam profesion perguruan. Proses membina minat ini memerlukan masa dan sokongan daripada seluruh warga institusi iaitu pentadbir, staf akademik, staf sokongan, dan rakan-rakan. Hal ini untuk membantu pelajar meningkatkan tahap penyesuaiannya dan bermotivasi dalam pengajian. pelajar yang kurang bermotivasi tidak dapat menyesuaikan diri dengan baik di institut pengajian tinggi (Baker,

2004). Selain itu, guru pelatih yang memilih bidang pendidikan kerana dipengaruhi pihak lain menunjukkan prestasi kurang baik semasa proses pengajaran berbanding mereka yang berminat malahan mereka juga menunjukkan sikap negatif dan kurang bermotivasi dalam pengajaran (Halimah, 2006). Hal ini membuktikan bahawa pentingnya penyesuaian pelajar pada fasa transisi agar pelajar positif memupuk minat dalam bidang perguruan dan bermotivasi sepanjang latihan perguruan yang diikuti.

Justeru, pelajar tahun pertama di IPG turut mengalami isu penyesuaian dan cabaran transisi seperti pelajar tahun pertama di universiti. Mereka turut berhadapan dengan cabaran akademik, sosial, emosi, dan komitmen institusi. Walau bagaimanapun, pelajar tahun pertama di IPG didapati berhadapan dengan cabaran memupuk minat dalam bidang perguruan kerana melanjutkan pelajaran ke IPG berdasarkan saranan ibu bapa dan keluarga yang inginkan mereka menjadi seorang guru. Cabaran penyesuaian pada fasa transisi turut memberi kesan terhadap keyakinan diri dan kesejahteraan diri pelajar.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pelajar tahun pertama di IPG berhadapan dengan cabaran penyesuaian pada fasa transisi. Keupayaan mereka membuat penyesuaian dengan cepat akan membantu mereka menjalani fasa transisi dengan lancar. Sekiranya mereka tidak dapat membuat penyesuaian pada fasa transisi, mereka akan berhadapan dengan tekanan dan masalah psikologikal yang lain. Kajian ini diharapkan dapat membantu dalam menyalurkan maklumat berkaitan tahap penyesuaian dan cabaran transisi yang dihadapi oleh pelajar di IPG. Seterusnya, menjadi satu keperluan untuk membina intervensi yang sesuai bagi membantu pelajar tahun pertama di IPG berhadapan dengan isu penyesuaian pada fasa transisi. Dapatan kajian membuktikan bahawa cabaran penyesuaian pada fasa transisi bukan sahaja berlaku di universiti dan kolej, malah pelajar di IPG turut mengalami cabaran tersebut. Justeru, diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu kaunselor, pensyarah, mentor dan pentadbir di IPG untuk menyediakan intervensi atau program bagi membantu pelajar PPISMP melalui proses penyesuaian dengan jayanya dan meningkatkan tahap penyesuaian pelajar pada fasa transisi dan fasa seterusnya.

Rujukan

- Aminah Hasbullah, Irma Wani Othman, Norazah Mohd Suki, Muhammad Safuan Yusuff, Herlina Jupiter, Rudie Adie Razak. (2016). *Pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Sabah*. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 11 (2017). pp. 77-85. ISSN 1985-482X. Diakses daripada <http://eprints.ums.edu.my/19550/>
- Aspinwall, L. G., & Taylor, S. E. (1992). Modeling Cognitive Adaptation: A Longitudinal Investigation of the Impact of Individual Differences and Coping on College Adjustment and Performance. *Journal of Personality and Social Psychology*, 63(6), 989–1003. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.63.6.989>
- Asthana, S., Asthana, M., & Asthana, O. (2016). *Personality and adjustment of college students*. 7(11), 1097–1099.
- Baker, Robert W, & Siryk, B. (1984). Measuring Adjustment to College. *Journal of Counseling Psychology*, 31(2), 179–189.
- Baker, R.W, & Siryk, B. (1999). *SACQ: Student Adaptation to College Questionnaire Manual*. Los Angeles: Western Psychological Services.
- Belay Ababu, G., Belete Yigzaw, A., Dinku Besene, Y., & Getinet Alemu, W. (2018). Prevalence of Adjustment Problem and Its Predictors among First-Year Undergraduate Students in Ethiopian University: A Cross-Sectional Institution Based Study. *Psychiatry Journal*, 2018, 1–7. <https://doi.org/10.1155/2018/5919743>

- Calaguas, G. M. (2012). Survey of College Academic Stressors: Development of a New Measure. *International Journal of Human Sciences*, 9(1), 441–457.
- Chiam Sueh Li. (2018). *Meningkatkan Sikap Resilien Guru Pelatih Dengan Mengguna Sandtray Sebagai Satu Pendekatan Kaunseling*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Credé, M., & Niehorster, S. (2012). *Adjustment to College as Measured by the Student Adaptation to College Questionnaire: A Quantitative Review of its Structure and Relationships with Correlates and Consequences*. 133–165. <https://doi.org/10.1007/s10648-011-9184-5>
- Darlaston-Jones, D., Pike, L., Cohen, L., Young, A., Haunold, S., & Drew, N. (2003). Are they being served? Student expectations of higher education. *Issues in Educational Research*, 13(1), 31–52.
- Dawborn-Gundlach, L. M. (2015). The experience of transition and adjustment for mature-age, undergraduate students in their first-year of university (University of Melbourne). Accessed from <https://minerva-access.unimelb.edu.au/handle/11343/91743>.
- Dusselier, L., Dunn, B., Wang, Y., Mack C. Shelley II, & Whalen, D. F. (2010). Personal, Health, Academic, and Environmental Predictors of Stress for Residence Hall Students, (December 2014), 37–41. <https://doi.org/10.3200/JACH.54.1.15-24>
- Esmael, A., Ebrahim, J., & Misganew, E. (2018). Adjustment problem among first year university students in Ethiopia: Across sectional survey. *Journal of Psychiatry*, 21:5 <https://doi.org/10.4172/2378-5756.1000455>
- Feldt, R. C., Graham, M., & Dew, D. (2011). *Measurement and Evaluation in Counseling and Development*. <https://doi.org/10.1177/0748175611400291>
- Fernandez, M.F.P., Araújo, A.M., Vacas, C.T., Almeida, L.S., Gonzalez, M.S.R. (2017). Predictors of students' adjustment during transition to university in Spain. *Psicothema* 2017, Vol. 29, No. 1, 67-72 <https://doi.org/10.7334/psicothema2016.40>
- Gueudet, G. (2008). Investigating the secondary-tertiary transition. *Educational Studies in Mathematics*. <https://doi.org/10.1007/s10649-007-9100-6>
- Haber, A., & Runyon, R. P. (1984). *Psychology of Adjustment*. USA: The Dorsey Press.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J. and Anderson, R.E. (2010). *Multivariate Data Analysis*. 7th Edition. New York: Pearson.
- Haktanir, A., Watson, J. C., & Streeter, A. (2018). *Resilience , Academic College Adjustment Among First- Year Students*. <https://doi.org/10.1177/1521025118810666>
- Harris, A. (2016). Transition and the art of engagement, nuts and bolts: Student Services Department, Australian College of Applied Psychology (ACAP). Accessed from http://fyhe.com.au/past_papers/papers11/FYHE-2011/content/pdf/5A.pdf
- Horgan, A., Sweeney, J., Behan, L., & McCarthy, G. (2016). Depressive symptoms, college adjustment and peer support among undergraduate nursing and midwifery students. *Journal of Advanced Nursing*, 72(12), 3081-3092.
- Huon, G., & Sankey, M. (2000). The transition to university. Understanding differences in success. In 6th Pacific Rim First-year in Education Conference: Changing Agendas, University of Canterbury, Christchurch, New Zealand, 8–10.
- Julia, M., & Veni, B. (2012). An analysis of the factors affecting students' adjustment at a University in Zimbabwe. *International Education Studies*, 5(6), 244–250. <https://doi.org/10.5539/ies.v5n6p244>
- Kamunyu, N.R. Ndungo, C., and Wango, G. (2016). Reasons Why University Students do not Seek Counselling Services in Kenya. *Journal of Education and Practice*, 7(15), 142 - 144.
- Kandinko, C. B., and Mawer, M. (2013). Student Expectations and Perceptions of Higher Education. A study of UK higher education Commissioned by the Quality Assurance

- Agency. https://www.kcl.ac.uk/study/learningteaching/kli/People/Research/DL/QAAR_eport.pdf
- Kantanis, T. (2002). Same or different: Issues that affect mature age undergraduate students' transition to university. In *6th Proceedings, Pacific Rim, First-year in Higher Education Conference: Changing Agendas-Te Ao Hurihuri*, Vol.5, No.7.
- Lowe, H., and Cook, A. (2003). Mind the gap: are students prepared for higher education? *J. Furth. High. Educ.* 27, 53–76. doi: 10.1080/03098770305629.
- Nyamayaro, P. C., & Saravanan, C. (2013). The relationship between adjustment and negative emotional states among first-year medical students. *Asian Journal of Social Science & Humanities*, 2(3), 270–278.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Nor Hashimah Abu Bakar, Zulkifley Mohamed & Siti Ilyana Mohd Yusof. (2015). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, (April), 1–12.
- Orlov, A. A., Pazukhina, S. V., Yakushin, A. V., & Ponomareva, T. M. (2018). A study of first-year students' adaptation difficulties as the basis to promote their personal development in university education. *Psychology in Russia: State of the Art*, 11(1), 71–83. <https://doi.org/10.11621/pir.2018.0106>
- Parameswaran, E.G. & Beena, C. (2004). *An invitation to psychology*. Hyderabad: Neelkamal Publication Pvt. Ltd.
- Parker, J., Summerfeldt, L., Hogan, M., & Majeski, S. (2004). Emotional intelligence and academic success: Examining the transition from high school to university. *Personality and Individual Differences*, 36, 163-172. <http://doi.org/d5p85c>
- Puff, J., Kolomeyer, E., McSwiggan, M., Pearte, C., Lauer, B. A., & Renk, K. (2016). Depression as a mediator in the relationship between perceived familial criticism and college adaptation. *Journal of American College Health*, 64, 604–612. doi:10.1080/07448484.2016.1210612
- Thuo, M., & Edda, M. (2017). Transition to university life: insights from high school and university female students in Wolaita Zone, Ethiopia. *Journal of Education and Practice*. Vol.8, No.4.
- Tinto, V. (1996). Reconstructing the First-year of College. *Planning for higher education*, 25(1), 1-6.
- van Rooij, E. C. M., Jansen, E. P. W. A., & van de Grift, W. J. C. M. (2017). *First-year university students' academic success: the importance of academic adjustment*. *European Journal of Psychology of Education*. doi:10.1007/s10212-017-0347-8